

29 NOV 1999

P/Raya-Undi

RAKYAT MALAYSIA KELUAR MENGUNDI HARI INI

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Rakyat Malaysia hari ini keluar mengundi pada pilihan raya umum ke-10 untuk memilih parti politik yang akan memerintah negara ini bagi tempoh lima tahun akan datang.

Sebanyak 9,564,071 warganegara layak mengundi. Sebanyak 6,931 pusat pengundian disediakan dengan kira-kira 17,000 saluran mengundi di seluruh negara.

Tempat-tempat mengundi dibuka mulai pukul 8 pagi hingga 5.30 petang bagi Semenanjung manakala pukul 7.30 pagi hingga 5 petang bagi Sabah dan Sarawak.

Bagaimanapun, terdapat beberapa tempat mengundi yang dijangkan ditutup awal di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak.

Pilihan raya kali ini akan menggunakan senarai daftar pemilih 1998.

Sebanyak 193 kerusi dipertandingkan bagi Parlimen manakala 394 bagi kerusi Dewan Undangan Negeri.

Pilihan raya umum kali ini tidak melibatkan Dewan Undangan Negeri Sabah yang baru mengadakan pilihan raya negeri pada Mac lepas manakala bagi Sarawak, ia masih mempunyai tempoh hingga tahun 2001.

Barisan Nasional, parti yang memerintah sebelum Parlimen dan DUN dibubarkan serentak pada 11 Nov lepas, meletakkan calon di semua kerusi yang dipertandingkan dan telah memenangi dua kerusi - satu kerusi Parlimen Betong (Sarawak) dan satu kerusi DUN di Tangkak, tanpa bertanding pada hari penamaan calon, 20 Nov.

Sebanyak 10 parti politik mengemukakan 1,200 calon manakala 42 calon bertanding dengan tiket Bebas.

Parti-parti yang bertanding ialah Parti Angkatan Keadilan Insan Malaysia (Akim), Barisan Nasional (BN), Barisan Jaamah Islamiah Semalaysia (Berjasa), DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Parti Demokratik Malaysia (MDP), PAS, Parti Bersatu Sabah (PBS), Parti Rakyat Malaysia (PRM), Parti Reformasi Negeri (Star).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu akan mengundi di Sekolah Kebangsaan Titi Gajah di Alor Setar manakala timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mempertahankan kerusi Parlimen Kepala Batas mengundi di Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam, Kepala Batas.

Menurut Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) Datuk Omar Mohamed Hashim sebanyak 192 pusat penjumlahan rasmi undi disediakan di seluruh negara dan keputusan awal dijangka dapat diketahui pada pukul 8.30 malam.

Beliau menjangkakan kerajaan yang dipilih akan diketahui pada pukul 4 pagi.

Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca sementara itu meramalkan hujan renyai dan kadang kala lebat dengan ribut petir akan berlaku hari ini di seluruh Semenanjung terutama di sebelah pantai timur.

Omar bagaimanapun berkata SPR telah membuat persiapan rapi bagi menghadapi sebarang kemungkinan terutama banjir.

Di ibukota pagi ini, cuaca yang agak cerah membolehkan para pengundi, tua dan muda keluar lebih awal untuk melaksanakan tanggungjawab mereka.

Ramai yang menggunakan perkhidmatan van dan bas yang disediakan oleh parti-parti politik yang bertanding untuk ke tempat-tempat mengundi.

-- BERNAMA

NHD RON

